

Penggunaan NGV lebih berbaloi

Pengusaha bengkel NGV menyambut baik cadangan menggunakan bahan itu sebagai alternatif kepada petrol. Pengurus Operasi Gas Emas Corporation Sdn Bhd Zulkhairi Osman berkata, penggunaan NGV jauh lebih menjimatkan berbanding petrol. "Pengguna hanya perlu belanja separuh daripada duit petrol untuk NGV. Walaupun kos pemasangan agak

tinggi antara RM4,000 dan RM4,500, jangka hayat penggunaan mencecah 15 hingga 20 tahun bergantung kepada jenis tangki digunakan," katanya.

Zulkhairi berkata, terdapat tiga sistem bagi NGV iaitu NGV sepenuhnya, NGV dan petrol serta NGV dan diesel.

"Ramai yang pilih sistem NGV dan petrol kerana lebih senang untuk ditukar mengikut keperluan," katanya.

Katanya, kos penyelenggaraan juga

Jarak perjalanan per isian (Model kereta: Proton Wira 1.5cc)		
Jenis bahan api	Isian	Jarak
NGV	RM5.20	107 km
Petrol	RM16	107 km

rendah jika pengguna mematuhi jadual yang ditetapkan.

Sementara itu, Penasihat Persatuan Pemasang Kenderaan Gas Asli Malaysia Jeffrey Ng berkata, sebuah syarikat pengangkutan mampu jimat hampir RM400,000 perbelanjaan petrol setahun jika menggunakan NGV.

Namun, bagi Ng, apa yang paling penting adalah persepsi masyarakat yang masih ragu dengan keselamatan sistem NGV perlu diubah.

"Setiap barangan termasuk tangki NGV dari luar negara bukan sahaja ada sijil ISO tetapi sudah melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

"Hanya yang melepasi dua agensi itu sahaja dibenarkan masuk ke pasaran Malaysia. Ia cukup selamat," katanya.



Proses pemasangan NGV pada kereta model Proton Saga.

REAKSI ORANG RAMAI



"Kenaikan petrol memang beri kesan terhadap kos perbelanjaan harian saya. Saya kini berbelanja RM60 untuk 300 kilometer (km) berbanding RM50 untuk 340 km sebelum kenaikan harga petrol. Walaupun kenaikan harga petrol menjejaskan perbelanjaan, saya belum terfikir untuk pasang NGV. Faktor keselamatan dan kekurangan stesen NGV di negara ini antara sebab mengapa saya lebih senang gunakan petrol. Kos pemasangan NGV juga agak mahal. **Nabilah Zakaria, kakitangan kerajaan.**



"Saya hanya guna kereta untuk ke pejabat jadi kos bahan api tidaklah tinggi sangat. Lagipun kos pemasangan NGV agak mahal. Untuk orang yang selalu jalan jauh, mungkin NGV boleh jadi pelaburan jangka panjang. Pada saya, penggunaan NGV ada pro dan kontra. Contohnya, stesen NGV di negara ini tidak banyak, jadi sukar tampung keperluan sekiranya lebih ramai gunakan NGV. Saya dengar,

Orang ramai lebih suka petrol walaupun mahal

Hanya sedikit rakyat Malaysia memasang sistem NGV pada kenderaan mereka selepas kenaikan harga petrol, tahun lalu, menunjukkan kurangnya minat pemilik kenderaan untuk menjadikan NGV sebagai alternatif.

Ini juga membuktikan orang ramai masih boleh menyerap peningkatan kos sara hidup meskipun harga bahan api dinaikkan.

Hal ini diakui Penolong Pengurus Abex Manufacturing Sdn Bhd Norliza Abdul Hadi di mana bengkelnya hanya menerima tempahan sistem NGV untuk 30 kenderaan setiap bulan bagi cawangan di Lembah Klang sejak harga petrol naik.

"Situasi sama berlaku di Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu yang menunjukkan peningkatan agak perlahan bagi

pasangan sistem NGV. "Berbeza di Johor Bahru, di mana kami menerima sehingga 50 kenderaan sebulan untuk memasang sistem NGV. Bagi kenderaan komersil seperti bas dan teksi, penggunaan NGV menunjukkan peningkatan positif," katanya.

Katanya, sambutan terhadap penggunaan NGV amat mendukacitakan, walaupun ia boleh membantu mengurangkan perbelanjaan bahan api.

"Tiada tahu apa puncanya. Mungkin pengguna lebih suka guna petrol yang sememangnya mudah bagi mereka. Tidak perlu beratur panjang dan mudah didapati di mana-mana terutama di bandar atau pekan kecil," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Econgas NGV (M) Sdn Bhd Jeffrey



Kereta milik persendirian yang dipasang sistem NGV.

Ng mengakui kenaikan harga petrol diumumkan hampir lima bulan lalu tidak membawa perubahan kepada perniagaannya malah syarikatnya terpaksa menutup tiga cawangan kerana tiada sambutan terhadap NGV.

Koordinator Sugoi NGV

Teknologi Sdn Bhd Tan Geok Teng pula berkata, peningkatan besar dalam pemasangan NGV hanya dapat dilihat pada 2008 ketika harga petrol naik mendadak daripada RM1.92 seliter kepada RM2.70, dan trend itu kembali menurun pada 2009.

penggunaan NGV juga boleh jejakkan enjin kereta. Jika mahu jimatkan kos bahan api, mungkin kita boleh beralih kepada kereta jenis hibrid. **Azrina Md Nordin, pekerja swasta.**



"Sepanjang saya gunakan NGV selama 15 tahun, tiada masalah besar dihadapi. Cuma kita perlu pastikan kenderaan sentiasa diselenggara setiap tiga bulan. Pada pandangan saya, penggunaan NGV tetap bergantung kepada jenis kenderaan dan bukan semua kenderaan sesuai gunakan NGV. **Ali Rahim, pemandu teksi.**



"Bagi kenderaan komersil seperti bas, teksi dan lori, sistem NGV amat sesuai. Dari segi kos bahan api amat jimat. Sekali isian hanya RM8 bagi perjalanan 150 km. Namun, kajian menyeluruh harus dibuat jika mahu guna NGV pada kenderaan milik persendirian, seperti penambahan stesen NGV. Di Lembah Klang, Melaka dan Johor tiada masalah tetapi di Pantai Timur dan utara Semenanjung amat sukar mencari stesen NGV. **Hedil Mohd Noh, pemandu teksi.**



LINGKARAN MINDA

Adakah NGV jawapan

Menjadi satu jenaka di Malaysia hari ini, apabila setiap bebanan dirasakan rakyat, terutama berhubung kos sara hidup akan disertai dengan lawak sinis di media sosial.

Contohnya, ungkapan seperti 'Ayam mahal? Makan ikan' atau 'Kereta mahal? Naik basikal'.

Tetapi jika diamati sebenarnya,

kita memang mempunyai alternatif lain dalam banyak aspek kehidupan. Contohnya kenaikan harga petrol, September tahun lalu.

Kita tidak mampu menghalang kenaikan harga barang yang disebabkan kenaikan harga petrol, tetapi pernahkah kita cuba mencari alternatif lain untuk mengurangkan

perbelanjaan petrol itu sendiri, mungkin bertukar kepada menggunakan NGV?

Ya, ya, betul apa pembaca fikirkan, untuk memasang sistem NGV pada kereta pun memerlukan ribuan ringgit tetapi jika dilihat lebih jauh ke depan, NGV boleh menjimatkan banyak wang.

Kerajaan, melalui dasar yang dibuat, perlu sediakan lebih banyak stesen minyak yang menjual NGV dan pengguna juga perlu memanfaatkan alternatif lain yang kita ada berbanding hanya melenting apabila harga petrol naik, kerana suka atau tidak, subsidi petrol tidak akan kekal selamanya.